

25/09/2003

Penganjur F1 Bot Laju Dunia kagumi Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Union Internationale Motonautique (UIM), penganjur kejohanan Formula 1 Perlumbaan Bot Laju Dunia, memberi penghormatan yang tinggi kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana kebijaksanaannya menjadikan sukan bertaraf antarabangsa sebagai satu alat pembangunan ekonomi Malaysia.

Promoternya, Nicolo Di San Germano, berkata ketajaman fikiran Perdana Menteri melantik H2O Sports Sdn Bhd (H2O) bagi menawarkan diri menjadi penganjur kejohanan Grand Prix Malaysia pertengahan 2000, kini membuahkan hasil kepada Malaysia.

Nicolo adalah pegawai tertinggi Formula 1 Perlumbaan Bot Laju Dunia yang mengendalikan pemasaran dan promosi global kejohanan itu di seluruh dunia.

"Dr Mahathir yang akan bersara Oktober ini, berjaya menggunakan semua potensi yang ada dalam acara sukan antarabangsa bagi memajukan negara dan satu daripadanya perlumbaan bot laju Formula 1," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam.

Selepas menawarkan diri menjadi penganjur pertengahan 2000, pada tahun berikutnya Malaysia dipilih menjadi penganjur pusingan pertama perlumbaan Formula 1 Kejohanan Perlumbaan Bot Laju Dunia di Tanjung Puteri, Johor Bahru.

"Sebagai seorang promoter sukan antarabangsa, saya bertemu ramai pemimpin dunia, tetapi apa yang membuat Dr Mahathir berbeza adalah kemampuannya menterjemahkan idea kepada tindakan. Beliau mempunyai pandangan yang jauh.

"Dalam beberapa majlis, saya dapat bertemu Dr Mahathir dan saya kagum kerana beliau sentiasa bertanyakan pelbagai soalan yang bijak dan strategik berkaitan sukan itu dan mengetahui potensi ekonominya yang boleh dijana kepada negara yang menganjurkannya.

"Berdasarkan minat serta semangat yang tinggi yang ditunjukkan terhadap sukan bertaraf dunia itu, saya dapat memahami kenapa Perdana Menteri mahu H2O membuat tawaran dan mengambil peluang yang ada bagi meletakkan Malaysia di peta dunia, meningkatkan kegiatan ekonomi tempatan dan industri pelancongan," katanya.

Beliau berkata, amat jelas Malaysia berjaya meningkatkan jumlah kedatangan pelancong sewaktu perlumbaan berlangsung, begitu juga kegiatan ekonomi lain seperti perhotelan, syarikat kereta sewa, restoran, pusat beli-belah, pusat pelancongan dan perkhidmatan lain.

"Sebagai promoter saya sudah ke seluruh pelusuk dunia dan tidak ada satu negara pun yang mengatasi Malaysia dari segi jumlah penonton, kemeriahan suasana dan kegiatan yang dijalankan hasil penganjuran perlumbaan itu," katanya.

Sehubungan itu, katanya, penganjur tempatan H2O layak mendapat pujian kerana berjaya membawa kejohanan perlumbaan itu pada tahap yang sewajarnya sebagai acara sukan bertaraf dunia.

Beliau berkata, penganjuran yang inovatif dan kepimpinan yang menyerlah oleh Pengarah Urusan H2O, Datuk Yahya A Jalil, berjaya menerima anugerah Penganjur Terbaik dua tahun berturut-turut menewaskan sembilan negara penganjur lain.

Katanya, kejohanan itu membawa nilai tambahan kepada Malaysia kerana reputasinya sebagai penganjur terbaik bagi 2001 dan 2002.

Nicolo berkata, pihaknya juga gembira selepas mengetahui bahawa Malaysia sudah melancarkan Formula Masa Depan oleh Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein.

"Kemampuan Malaysia menganjurkan kejohanan itu dengan begitu baik hanya dalam tempoh dua tahun adalah satu pencapaian yang tinggi. Seperti yang anda ketahui wawasan Dr Mahathir membawa banyak faedah kepada pembangunan

perlumbaan bot laju di negara ini," katanya.

Perlumbaan GP Malaysia musim 2002 disaksikan lebih setengah juta penonton di seluruh dunia menerusi televisyen secara langsung atau siaran tertunda.